

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 5/1983

PEMBERITAHU KELULUSAN PERMOHONAN TANAH KEPADAKERAJAAN PERSEKUTUAN.

Arahan ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pemungut Hasil Tanah tentang peraturan baru bagaiman di arah oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Persekutuan tentang cara hendak memberitahu Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian yang berkenaan bila satu-satu tanah yang telah diambil balik oleh Kementerian tersebut untuk satu-satu projek telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan Hakmilik baru dikeluarkan kepada Kerajaan Persekutuan dengan nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Mengikut amalan yang lepas permohonan pengambilan tanah dan juga permohonan untuk mendapat hakmilik telah dibuat oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Persekutuan dan seterusnya bila kelulusan diperolehi Pejabat-Pejabat Tanah telah memberitahu kelulusan tersebut kepada Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Persekutuan dengan salinan kepada Kementerian yang berkenaan.

2. Mengikut cara baru bagaimana Arahan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Persekutuan bila permohonan pengambilan tanah dan pemberian hakmilik tanah telah dilulus oleh Kerajaan Negeri, Pemungut Hasil Tanah hendaklah memberitahu Kerajaan Persekutuan dengan cara berikut :-

- (a) Memberitahu Kementerian yang berkenaan tentang kelulusan tersebut dengan surat biasa mengikut Lampiran A Pekeliling 3/68.
- (b) Salinan surat (a) tersebut hendaklah dihantar kepada Ketua Pengarah Tanah Dan Galian, Persekutuan.
- (c) Borang 5F tidak payah dikeluar kepada Kementerian dan KPTG.

3. Adalah diperhatikan juga bila satu-satu tanah yang diberimilik kepada Kerajaan Pusat dengan nama Pensuruhjaya Tanah Persekutuan kadangkala dikenakan kategori kegunaan tanah seperti bangunan dan sebagainya. Sepatutnya tanah yang diberimilik kepada Kerajaan Persekutuan tidak dikenakan apa-apa kategori kegunaan tanah. Perkara ini hendaklah diambil perhatian semasa tuan-tuan menyediakan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Sekian,

t.t
(MD.HUSSAIN BIN HASSAN)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN, KOTA BHARU.**

BERTARIKH: 20HB. APRIL, 1983

FAIL : P.T.G.KN.8559/JLD.2./(40).

KEPADА:

Semua Pemungut Hasil Tanah,
Kelantan termasuk PPHT. Jajahan Kecil Jeli.

Salinan Kepada:-

1. YAB. Dato' Menteri Besar, Kelantan.
2. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.